

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	06/09/2017B

IRDA meterai perjanjian, MoU jadi Hab Perindustrian Asean

Sinar Harian - 6/9/2017 pg. 3

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) memeterai perjanjian dan tiga Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak berkepentingan utama bagi inisiatif dalam penyelidikan, inovasi dan pemantauan bandar untuk menetapkan momentum ekonomi digital di Iskandar Malaysia.

Pertukaran dokumen antara IRDA dan Telekom Malaysia (TM), Frost & Sullivan, ESRI Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli-ahli Pihak Berkuasa IRDA Ke-22 di Perdana Putra, semalam.

Ia turut disaksikan oleh Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Najib dan Mohamed Khaled



Najib bergambar bersama anggota pihak berkuasa sebelum mempengerusikan Mesyuarat IRDA di Bangunan Perdana Putra, semalam.

adalah Pengerusi Bersama IRDA.

Ketua Eksekutif IRDA, Datuk Ismail Ibrahim berkata, perjanjian dan MoU tersebut melambangkan kerjasama ke arah

pelaksanaan beberapa komponen susulan Iskandar Malaysia pada masa ini dalam fasa ketiga pembangunan (2016-2025), yang menumpukan kepada kemapanan

dan inovasi sejajar dengan Pelan Pembangunan Komprehensif II Iskandar Malaysia.

Ismail berkata, Iskandar Malaysia terus menarik aliran masuk pelaburan yang kukuh dan mencatatkan pelaburan komited kumulatif berjumlah RM242.42 bilion dari 2006 hingga 31 Ogos, 2017.

"Jumlah pelaburan dari Januari hingga Ogos tahun ini dilaporkan sebanyak RM20 bilion," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ismail berkata kertas cadangan dibentangkan pada mesyuarat tersebut kepada Perdana Menteri, dengan tujuan untuk menjadikan Iskandar Malaysia sebagai Hab Perindustrian Asean bagi menambah baik persekitaran pelaburan dan meningkatkan daya saing wilayah tersebut untuk menarik pelaburan. - *Bernama*